



Headline	Inspirasi Generasi Muda		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	407,786
Page No	V16	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	779 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,660
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,980



Inspirasi generasi muda

Oleh Siti Zarinah Sahib

.sitizarinah@media-
prima.com.my

Sejajar dengan misi syarikat tenusu generasi di negara ini, Dutch Lady iaitu membantu rakyat Malaysia dari segi pendidikan, sosial dan ekonomi, Dana Inspirasi Masa Depan (DIMD) yang menjadi sebahagian daripada Kempen Inspirasi Masa Depan Dutch Lady Malaysia dilancarkan bersempena ulang tahun ke-50 Dutch Lady pada tahun ini.

Kempen yang bertujuan mengajak segenap lapisan masyarakat memberi inspirasi serta dorongan kepada generasi muda di Malaysia, dana ini diharapkan dapat menyemarakkan semangat kanak-kanak untuk mengejar cita-cita tanpa mengira bidang.

Bagi merealisasikan impian ini, 50 kanak-kanak kini melangkah lebih dekat mencapai impian dalam bidang yang diminati mereka termasuk pendidikan, sukan dan seni kreatif. Pemilihan 50 kanak-kanak ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 10 kanak-kanak disokong Kementerian Pendidikan, 10 dipilih dengan sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat manakala 30 yang lain berdasarkan peraduan video yang paling memberi inspirasi dan terbuka kepada semua.

Menurut Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, Rahul Colaco, kempen ini mendapat sambutan menggalakkan sekali gus membuktikan

rakyat Malaysia amat mementingkan masa depan generasi muda. Ini dapat dilihat apabila mereka sanggup mencurahkan segala usaha memberi inspirasi untuk mengecap kejayaan.

"Kami berasa amat berbesar hati apabila melihat rakyat Malaysia bersama-sama memberi ikrar untuk memberi inspirasi kepada kanak-kanak di negara ini supaya memaksimumkan potensi mereka.

"Memang tidak dapat dinafikan ibu bapa adalah mentor terbaik mengasuh dan mengasah potensi kanak-kanak. Berdasarkan beberapa video menunjukkan rakyat Malaysia sedar kanak-kanak adalah tunjang masa depan bangsa dan negara. Oleh itu, ibu bapa sentiasa mencari peluang menyediakan satu masa depan yang lebih cerah kepada anak kesayangan mereka," katanya.

Bagi kategori di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar wakil seorang kanak-kanak. Seterusnya, nama yang dicadangkan ini akan diserahkan kepada pengetua sekolah. Dutch Lady menerima 156 peserta termasuk dari Kelantan dan Terengganu. Namun dalam keputusan akhir, hanya 10 kanak-kanak bertuah bakal dipilih sebagai pemenang.

Bagi peserta di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, nama kanak-kanak

akan dikemukakan oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai pertubuhan amal. Setiap pertubuhan hanya boleh menghantar lima peserta. Untuk kategori ini berjaya mengumpul 43 peserta dari tujuh negeri dan Profesor Madya Dr Mariani Mohd Nor dipertanggungjawabkan memilih 16 kanak-kanak sebelum keputusan akhir dibuat.

Dr Mariani adalah penyarah Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya yang berpengalaman luas dan menghasilkan kaedah penilaian serta pemilihan bagi kategori ini.

"Saya berasa sangat teruja kerana diberi peluang membabitkan diri dalam kempen murni ini dan dilantik menjadi juri panel penghakiman DIMD. Kegigihan serta usaha Dutch Lady Malaysia dalam menganjurkan kempen yang amat bermakna ini sangat dipuji," katanya.

Masyarakat juga berpeluang menyertai kempen ini dengan menghantar video menggambarkan cara serta usaha dalam memberi inspirasi kepada kanak-kanak.

Daripada 625 video diterima, 30 video paling memberi inspirasi akan dinobatkan sebagai pemenang. Seterusnya, mereka akan menerima hadiah polisi insurans bernilai RM30,000. Polisi ini akan matang apabila kanak-kanak mencecah usia 18 tahun. Selain itu, 20 kanak-kanak yang dipilih dengan sokongan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat turut

menerima polisi insurans yang sama.

"Semua video yang kami terima memberi inspirasi sehingga sukar memilih video paling cemerlang. Namun, apa yang penting, Dana Inspirasi Masa Depan Dutch Lady ini membuktikan ramai kanak-kanak mengidamkan peluang untuk mengembangkan potensi dan bakat mereka. Malah, jika mereka diberi landasan atau asas kukuh, pasti mampu mencapai kejayaan besar mengharumkan nama negara," katanya.

Proses penilaian video mengambil kira-kira tujuh minggu dan acara kemuncak akan berlangsung pada **26 Oktober 2013**. Masyarakat juga digalakkan mengambil bahagian dalam kempen Inspirasi Masa Depan dengan menurunkan cap tapak tangan mereka sebagai ikrar inspirasi kepada generasi pelapis di negara ini.

Walaupun penyertaan peraduan video Inspirasi Masa Depan sudah ditutup, orang ramai masih boleh menunjukkan sokongan menerusi ikrar **Inspirasi Masa Depan yang**

menyasarkan mengumpul 50,000 ikrar daripada orang ramai. Selain itu, Dutch Lady Malaysia juga akan mengadakan 50 Bengkel Inspirasi Masa Depan yang akan memberi manfaat kepada kanak-kanak kurang bernasib baik di seluruh negara. Untuk menghantar ikrar cap tangan anda layari laman sesawang www.inspiretomorrow.my



Headline	Inspirasi Generasi Muda		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	407,786
Page No	V16	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	779 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,660
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,980

**Kempen ajak
masyarakat bantu
kanak-kanak
maksimum
potensi diri**



FAIZAL Tahir bersama Datin Rashidah ketika melancarkan DIMD baru-baru ini.



(DARI kiri) Datin Rashidah dari Kementerian Pendidikan, Mumtaj Begum daripada Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat bersama penyanyi Ziana Zain.